Sifat-sifat Kalau Hendak Menjadi "Bapa Orang Islam"

Di dalam perkembangan dunia tamadun ini adalah menjadi suatu kurniaan yang mulia kalau ada orang yang mengelarkan seseorang yang banyak khidmatnya di dalam sesuatu " Pak" atau bahagian yang berkaitan dengan masyarakat dan digelarkan bapa – umpamanya bapa wartawan, bapa kebudayaan, bapa kemerdekaan dan lain-lain. Gelaran-gelaran itu tibanya daripada orang-orang yang menghargakan jasa-jasanya kepada masyarakat atau kepada golongan dan tidak sekali-sekali gelaran itu tibanya daripada diri orang itu sendiri kerana berasa yang ia telah banyak berjasa di dalam masyarakat padahal jasanya itu tidak diperhatikan dan tidak mendapat layanan dari masyarakat mungkin kerana jasa-jasanya itu tidak dijalankan dengan ikhlas atau pun kerana bertujuan mencari nama dan kemegahan. Cara yang akhir inilah disebut oleh pepatah Melayu: "Masuk bakul angkat sendiri".

Kalau sifat-sifat mahu menjadi bapa maka terlebih dahulu bapa itu sebenarnya membuat sesuatu adalah kerana Allah. Bapa-bapa yang selain daripada bapa orang Islam, sama ada ia Islam atau bukan Islam tidaklah begitu berat, umpamanya seperti bapa ekonomi kerana usahanya menganjurkan ekonomi rakyat, tidaklah ia banyak terikat oleh kelakuan peribadi yang dilakukan olehnya sendiri, umpamanya, kalau ia berjoget, ber*dancing* di rumah-rumah terbuka atau khas, berpeluk-peluk dengan wanita, minum-minum minuman keras kerana meraikan tetamu dan mengadakan *bar* dalam rumah, sunggahpun tidak digemari oleh orang Islam tetapi tidaklah ia begitu diambil berat oleh mereka sebab memang diketahui bahawa mereka itu orang-orang awam di dalam agama ertinya memang mereka diketahui kurang pengetahuan atau jahil di dalam perkara agama. Ke atas orang-orang ini mestilah ada orang-orang yang boleh menasihatinya daripada orang-orang Islam untuk menegur mereka supaya jangan mencabar kehormatan Islam – kalau ia seorang Islam walaupun pada namanya sahaja. Kesannya kepada masyarakat tidak begitu mendalam dan masyarakat tidak begitu mengambil endah – penghargaan yang diberi kepadanya semata-mata hanya kepada usaha kebajikan yang dibuatnya.

Ini bersalahan kalau menjadi "Bapa Orang Islam". Segala perbuatan dan segala gerak-gerinya adalah diperhatikan dan dirisik oleh masyarakat sebab segala sesuatu yang dibuatnya jika ia hanya tahu kalau berkata tetapi tidak beramal maka masyarakat tidak akan percaya kepadanya, sekali pun ia telah pernah menjadi penghafaz kepada al-Qur'ān, sekalipun ia tinggi pengetahuannya, dalam ilmunya dan boleh mengeluarkan dalil daripada Qur'an dan hadith seperti dicurah namun ia tidak beramal dengan apa yang dikatakannya tidaklah ia akan dapat penghargaan dari masyarakat sekalipun ber*million-million* wang telah didermakannya, dan hutan-hutan kosong diwakafkannya dan ia menepuk-nepuk dada kerana memandang ia berjasa kepada masyarakat mengaku, akulah "Bapa Orang Islam".

Sangat susah hendak mengakui seseorang menjadi "Bapa Orang Islam" di sesuatu tempat kerana Islam mempunyai dasar-dasar yang tertentu, mempunyai

Tuan Syed Nasir, Pengarah Dewan Bahasa dan Pusaka bergambar dengan para peserta Selangor dan wakil Negeri Selangor En. Aman Bin Abdullah yang memegang Piala Naib Johan Bulan Bahasa Kebangsaan 1965 dalam istiadat menyampaikan hadiah-hadiah pada 21.8.65 di Balai Budaya dan Pustaka, Kuala Lumpur – (Gambar dewan).

peraturan-peraturan tertentu yang mesti dilihat oleh mereka dengan mata dan didengar oleh mereka dengan telinga mereka akan segala sesuatu yang dilaku dan yang dibuat oleh "Bapa Orang Islam" itu. Yang dilihat mereka bukannya kekayaannya, bukan wangnya, bukan cantik pakaiannya, bukan besar pejabatnya dan bukan kemegahan kerana ia berdrama di hadapan umum tetapi yang dilihat, yang dihargakan oleh masyarakat kepada tiap-tiap seseorang itu ialah akhlaknya, akhlak yang dicontohkan oleh Rasulullah (S.A.W) dan sahabat-sahabatnya di dalam menunaikan tugas kepada masyarakat.

Orang tidak memandang berapa banyak ia mengambil bahagian di dalam masyarakat kalau akhlaknya, di belakang daripada kebaikkan itu kotor. Sangat tidak memberi faedah segala usahanya kepada masyarakat sekiranya ia sendiri tidak beramal dengan ajaran-ajaran Islam yaitu kalau ia mengerjakan yang mungkar, di sebalik kebaikan yang dibuatnya itu seperti ber*dancing*, minum arak, berzina, sombong, bongkak dan takbur dan menghina-hinakan manusia dengan memandang bahawa ia seorang yang tinggi dan mulia dan kerana itu kalau ia menghormati seseorang sebagai pengunjungnya, kehormatan dipandangnya sebagai budi mungkin dipandangnya orang yang datang itu orang hina dan tidak setaraf dengannya. Begitu juga kalau ia menjemput orang ke dalam majlisnya dipandangnya sebagai memberi kehormatan kepada orang dan sebagai suatu jasa baik yang mesti dibalas oleh orang itu dan kalau tidak dibalas akan diungkit-ungkitnya.

dan dihina-hinakannya orang itu. Ini bertambah lagi dengan kelakuanya kalau ia menolong seseorang dengan memberi pinjaman, walaupun pinjaman itu umpamanya telah bertahun-tahun dibayar kepadanya namun bermuamalah seperti itu selalu dibangkit-bangkitnya padahal agama menegah sama sekali menyakiti seseorang dengan perbuatan yang serupa itu. Adakah sifat-sifat yang semacam ini yang ada kepadanya boleh menjadi sebab ia bermegah sebagai "Bapa Orang Islam".

Adakah orang yang mengaku "Bapa Orang Islam" ini melupakan ajaran-ajaran Junjungan Kita Muḥammad (S.A.W) yang menghendaki:

(1) Seseorang yang telah mendapat nikmat kemewahan dan kesenangan janganlah membesarkan diri dan berlaku sombong;

(2) Seseorang hendaklah memuliakan tetamu sekalipun tetamu itu seorang miskin;

(3) Hendaklah menerima pelawat-pelawat yang datang kepadanya dengan baik dan hormat dan hendaklah ia membalas kunjungan yang datang itu untuk menunjukkan mahabbah dan berterima kasih dan jangan sekali-kali memandang bahawa kerana kekayaannya ia berhak dilawati dan tidak berkewajipan baginya membalas lawatang orang;

(4) Dengan kekayaannya dan kebesarannya kewajipannya menolong dan membantu orang yang berhajat kepada bantuan sebagai jalan muamalah dan muamalah seperti ini aka[1] tidak berfaedah sekiranya kemudian dibangkit-bangkit;

(5) Jangan memandang seseorang yang hormat kepadanya dengan pandangan yang hina kerana ia orang yang miskin dan perih ditolongnya dan

(6) Kalau seseorang datang meminta pertolongan, jika tidak dapat di beri pertolongan katakan dengan berterus terang tetapi ditegah sekali-kali berhadapan mulut manis tetapi di belakang membuat fitnah-fitnah yang boleh memburukkan nama orang yang datang meminta pertolongan kepadanya.

Walhasil banyak lagi perkara-perkara yang mesti dipelajari dan diketahui. Tidak itu sahaja tetapi hendaklah diamalkan dengan sewajarnya supaya kehormatan dan kesayangan orang didapati olehnya kerana kehormatan dan kesayangan itu tidak akan dapat dengan takbur, sombong, bongkak, bermegah dengan kekayaannya dan pangkat-pangkat memandang ke atas sahaja tidak pernah memandang ke bawah, bergaul terus-menerus sahaja dengan orang atasan dan apabila terdesak baharu menghampiri rakyat jembel[2]. Dengan sifat-sifat yang semacam ini yang ada pada diri seseorang seumpama ini, bolehkah orang akan mengakui ia sebagai "Bapa Orang Islam?" Beramallah dengan baik, ikhlas dan merendah diri dan buktikan segala perbuatan-perbuatan itu dengan tidak berharap kepada kemegahan dan pangkat dan dengan itu orang kelak akan menghargakan usaha-usahanya dan akan menyebut-nyebut namanya walaupun ia sudah tidak ada di dunia ini tetapi janganlah ada sebutan kalau masuk bakul angkat sendiri.

Perhatian

Segala surat-surat berhubung dengan makalah-makalah yang akan disiarkan di dalam Majalah Qalam, silalah alamatkan surat-surat tuan-tuan dan puan-puan kepada pengarang **"QALAM".**

Surat yang berkenaan dengan urusan memesan buku-buku dan urusan wang hendaklah dialamatkan kepada Pengurus Qalam 356 Geylang Road, Singapura, 14.

[1] Perkataan yang sebenarnya adalah akan.
[2] Rakyat jembel bermaksud rakyat yang miskin - Dewan Bahasa dan Pustaka.